

“KEMPEN KESEDARAN ALAM SEKITAR PADA PERINGKAT IBU PEJABAT, WILAYAH, KAWASAN/ ESTET, KILANG SAWIT DAN ANAK SYARIKAT FELCRA BERHAD TAHUN 2023”,

WP KUALA LUMPUR, 02 OGOS 2023 - Bersempena dengan “Kempen Kesedaran Alam Sekitar pada Peringkat Ibu Pejabat, Wilayah, Kawasan/ Estet, Kilang Sawit Dan Anak Syarikat FELCRA Berhad Tahun 2023”, pihak FELCRA telah menjemput JASWPKL untuk sesi perkongsian maklumat mengenai pematuhan alam sekitar dalam industri kelapa sawit dan perundangan alam sekitar untuk ladang-ladang kelapa sawit.

Satu ceramah bertajuk “Matlamat Pembangunan Industri Kelapa Sawit ke arah Kemampunan Alam Sekitar” telah disampaikan oleh Cik Shafizah binti Jabar Basha, Pegawai Kawalan Kanan JASWPKL, secara atas talian kepada lebih kurang 198 para peserta dari FELCRA.

JASWPKL akan terus komited melaksanakan aktiviti “Communication, Education, Promotion and Awareness” (CEPA) kepada orang ramai bagi memastikan pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Diharapkan agar kelestarian alam sekitar di negara kita akan terus terpelihara.

#NRECC

#jabatanalamsekitar

#jaswpkl

#alamsekitartanggungjawabbersama